

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 JUNE 2016



BH-23/6/2016

➔ Bekas Perdana Menteri perlu bukti layak terajui blok pembangkang

Oleh Siti Sofia Md Nasir  
siti.sofia@bh.com.my

► Georgetown

**K**etua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mencabar bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang jika tokoh negara itu mahu terus membabitkan diri dalam kancah politik.

Dr Wan Azizah berkata, Dr Ma-

hathir perlu berbuat demikian bagi membuktikan dirinya layak untuk menerajui blok pembangkang.

“Kalau Tun (Mahathir) mahu jadi Ketua Pembangkang, beliau perlu bertanding dulu. Saya naik (menjadi Ketua Pembangkang) pun kerana bertanding dan ada kerusi di Parlimen. Saya harap Tun pun boleh buat begitu,” katanya ringkas ketika ditemui di Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Wan Azizah me-

luangkan masa kira-kira 10 minit menziarahi Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) HPP.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Rashid Hasnon dan Timbalan Angkatan Muda Keadilan PKR, Dr Afif Bahardin.

**Tentang secara terbuka**

Dr Wan Azizah berkata demikian ketika mengulas kenyataan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak

yang mencabar Dr Mahathir menentang Barisan Nasional (BN) secara terbuka sebagai ahli politik pembangkang dan bukannya berselindung di sebalik gerakan bukan politik atau bukan kepartian.

Dr Salleh dalam catatan di blognya, [sskeruak.blogspot.my](http://sskeruak.blogspot.my), kelmarin, berkata mengambil kedudukan rasmi dalam kepemimpinan pembangkang adalah suatu tindakan yang tepat memandangkan Dr Mahathir sudah memainkan peranan itu secara de facto.